

Pertumbuhan ekonomi sederhana lebih baik
Utusan Online
04 April, 2012

KUALA LUMPUR 3 April – Perkembangan ekonomi yang sederhana tetapi stabil sejak beberapa tahun kebelakangan ini jauh lebih baik berbanding pertumbuhan terlalu tinggi yang memungkinan Malaysia terdedah kepada pelbagai risiko antaranya inflasi dan overheating.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir berkata, walaupun tidak mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak tujuh atau lapan peratus setahun, namun Malaysia masih berada di landasan yang betul untuk mencapainya.

“Kita sentiasa mencapai sasaran contohnya tahun lalu, kita sasarkan KDNK 5.0 hingga 5.5 peratus, dan kita berjaya merekodkan pertumbuhan 5.1 peratus, ia masih berada dalam lingkungan sasaran,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Jebel Ali Free Zone di sini hari ini.

Bagi mencapai status negara maju, Malaysia perlu merekodkan pertumbuhan purata sekitar tujuh hingga lapan peratus setahun.

Menurut Mukhriz, Malaysia boleh mencatatkan pertumbuhan tinggi sehingga 8.0 peratus setahun jika mahu, namun ia bakal mengundang lebih banyak impak negatif kepada negara.

“Kita boleh mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi sehingga 7.0 hingga 8.0 peratus dengan melakukan liberalisasi semua sektor, membenarkan pemilikan asing dan sebagainya.

“Namun apakah ia memberi faedah kepada rakyat secara keseluruhannya? Biarlah pertumbuhan berlaku secara sederhana tetapi memberi manfaat kepada rakyat dan negara, “ ujar beliau lagi.

Tambah Mukhriz, ketidaktentuan ekonomi global ketika ini banyak mempengaruhi negara berekonomi terbuka seperti Malaysia, namun pelbagai langkah yang diambil kerajaan seperti mempelbagaikan pasaran mampu menjadi penyerap kepada impak negatif faktor luaran tersebut.

Pada tahun lalu, eksport Malaysia ke Asia berkembang sebanyak 15.1 peratus kepada RM28.06 bilion merangkumi hampir empat peratus daripada keseluruhan eksport ke seluruh dunia.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0404&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_02.htm